

TPB2030 perkasa, martabat sosioekonomi Bumiputera

Berita HARIAN
106/12/2021 M/S 07

Perancangan strategik sektor berimpak tinggi untuk tempoh 10 tahun

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Petaling Jaya: Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) yang menjadi 'peluru' baharu Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) berperanan sebagai meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera dalam tempoh 10 tahun.

Pengarah Perancangan Strategik (Penyelidikan, Analitik, Sistem Maklumat dan Pengurusan

enam sasaran yang dikenal pasti dari Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan memberi penekanan kepada tujuh aktiviti pertumbuhan ekonomi utama (KEGA).

Beliau berkata, enam sasaran terbabit yang menjadi objektif utama ialah sumbangan lebihan kendalian kasar (GOS) enterprise Bumiputera sebanyak 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu sebanyak RM438 bilion.

"Kita juga mahu mencapai nilai sebanyak RM5,169.12 membatik nisbah median gaji upah mengikut etnik, iaitu dua kali ganda berbanding jumlah kini, selain RM18,402.68 nisbah median pendapatan isi rumah mengikut etnik.

"TPB2030 juga menyasarkan 4,758,469 pemilikan kediaman Bumiputera, RM4,495.65



JABATAN PERDANA MENTERI

TERAJU
PENERAJU BUMIPUTERA



TINDAKAN PEMBANGUNAN BUMIPUTERA 2030

Untuk meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera melalui TPB2030 dengan mencapai sasaran yang dikenal pasti daripada WKB2030 dan RMKe-12 (2025)

| Objektif Keseluruhan | Sumbangan Lebihan Kendalian Kasar (GOS) enterpris Bumiputera sebanyak 20% kepada KDNK: RM438 bilion | Nisbah median pendapatan Isirumah mengikut etnik (B:C:I = 0,9:1:1): RM18,402.68 | Nisbah kadar pulangan aset kewangan per kapita mengikut etnik (B:C = 0,6:1): RM4,495.65 |
|----------------------|--|--|--|
| | Nisbah median gaji upah mengikut etnik (B:C:I = 1:1:1): RM5,169.12 | Pemilikan kediaman Bumiputera: 4,758,469 | Bumiputera dalam pekerjaan mahir: 3,248,920 |

| Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) | KEGA 1 Pertanian dan Komoditi | KEGA 2 Ekonomi Digital | KEGA 3 Hab Halal dan Makanan | KEGA 4 Hab Kewangan Islam | KEGA 5 Logistik, Pengangkutan dan Mobiliti Lestari | KEGA 6 Pembuatan | KEGA 7 Pelancongan |
|---|----------------------------------|---------------------------|---------------------------------|------------------------------|---|---------------------|-----------------------|
|---|----------------------------------|---------------------------|---------------------------------|------------------------------|---|---------------------|-----------------------|

| BETA | Pertahanan & Keselamatan | Pembinaan Moden: IBS | Aeroangkasa |
|------|--------------------------|----------------------|-------------|
|------|--------------------------|----------------------|-------------|

| Bidang Keutamaan (PA) | PA 1 Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera | PA 2 Menambah Baik Tadbir Urus dan Memperkukuh Penyampalan Perkhidmatan | PA 3 Memperkukuh Pendidikan dan Memperkasa Modal Insan | PA 4 Meningkatkan Daya Tahan dan Kemampuan Perniagaan Bumiputera | PA 5 Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera | PA 6 Memanfaatkan Sepenuhnya Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf | PA 7 Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampun |
|-----------------------|---|--|---|---|---|--|--|
|-----------------------|---|--|---|---|---|--|--|

tem Maklumat dan Pengurusan Data) TERAJU, Nik Nazree Nik Abdul Rahman, berkata sebagai hala tuju agenda Bumiputera yang baharu, TPB2030 mempunyai objektif untuk memperkasa ekonomi dan sosioekonomi Bumiputera bagi memastikan kelestarian dan kesaksamaan antara kaum dapat dicapai.

Katanya, ia adalah kelangsungan daripada dasar dan rancangan Bumiputera yang terdahulu dengan mengambil kira keadaan semasa seperti kesan pandemik dan jangkaan keadaan berlaku dalam tempoh 10 tahun akan datang.

“Ia adalah selaras dengan agenda dan dasar kerajaan seperti Keluarga Malaysia, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) supaya tiada Bumiputera ketinggalan.

“Melaluinya juga, perancangan strategik berimpak tinggi akan diperkenalkan yang berupaya menghasilkan Bumiputera masa hadapan yang dinamik, berdikari dan berintegriti, bersaing pada peringkat global dalam memartabatkan maruah bangsa,” katanya.

Pada masa sama, Nik Nazree berkata, TPB2030 menggariskan

Bumiputera, RM4,495.65 bilion kadar pulangan aset kewangan per kapita mengikut etnik.

“Akhir sekali, sasaran kita ialah jumlah Bumiputera dalam pekerjaan mahir dapat ditingkatkan kepada 3,249,920 menjelang 2030.

“Bagi mencapai sasaran ini, kita tidak boleh melalui cara biasa sebaliknya lonjakan luar biasa kerana ada sasaran yang memerlukan sehingga tiga kali ganda pencapaian berbanding angka kini,” katanya pada taklimat media berhubung penganjuran TPB2030.

TBP2030 dilancarkan hari ini oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Pusat Konvesyen Kuala Lumpur (KLCC) bermula jam 8 pagi hingga 5 petang yang juga mempunyai komponen pameran sektor berkaitan TPB2030.

Orang ramai boleh menyaksikan pelancaran secara langsung melalui Facebook Live @terajuofficial seawal 9 pagi, manakala pihak yang berminat untuk datang ke pameran diwajibkan untuk membuat pendaftaran awal di pautan <http://tpb2030.com/>

Pada majlis pelancaran berkenaan, sebanyak 16 memorandum persefahaman (MoU), selain membabitkan 40 pempamer dan 13 kementerian.



Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 dilaksana bagi memastikan kelestarian dan kesaksamaan antara kaum dapat dicapai. (Foto hiasan)

Antara MoU diketengahkan adalah kolaborasi strategik TERAJU ialah bersama PETRONAS Dagangan Berhad bagi penyertan Bumiputera di dalam rangkaian ekosistem gignomics MESRA Mart dan Microsoft bagi kebolehasan graduan Bumiputera.

Turut diadakan ialah klinik perniagaan dan *pocket talks* dengan topik berkaitan perniagaan dan graduan Bumiputera dengan kehadiran jempitan adalah seramai 2,000 orang.

Nik Nazree berkata, TPB 2030 menekankan kepada tujuh KEGA iaitu:

1. Pertanian dan komoditi
2. Ekonomi digital
3. Hab halal dan makanan
4. Hab kewangan Islam
5. Logistik
6. Pengangkutan dan mobiliti lestari
7. Pelancongan

“Hab kewangan Islam (enam) dengan RM17.63 bilion lebih operasi kasar (GOS); logistik (11)

dengan RM10.60 bilion GOS; pembuatan (10) dengan RM29.59 bilion GOS dan sembilan program pelancongan dengan RM36.45 bilion GOS,” katanya.

Katanya, sebanyak 106 program pembangunan KEGA dan 36 inisiatif bidang keutamaan dikekal pasti membabitkan GOS sebanyak RM201.53 bilion.

“Pecahannya membabitkan 29 program berkaitan pertanian dan komoditi dengan RM25.06 bilion GOS; ekonomi digital (30) dengan RM65.17 bilion GOS; hub halal dan makanan (11) dengan RM11.75 bilion GOS.

Katanya, turut difokuskan ialah tujuh bidang keutamaan (PA), iaitu mempercepat pembangunan sosioekonomi Bumiputera, menambah baik tadbir urus dan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan serta pendidikan dan memperkasa modal insan.

“PA keempat ialah meningkatkan daya tahan dan kemampuan perniagaan Bumiputera, meningkatkan penciptaan kekayaan Bumiputera.

“Selain itu ia juga bagi memanfaatkan sepenuhnya tanah rizab Melayu dan instrumen wakaf serta memastikan pemilikan ekuiti korporat yang mampan,” katanya.